

# Keupayaan, amanah antara

KUALA LUMPUR, Ahmad - Sebarang pelantikan ke jawatan Majlis Tertinggi (MT) Umno perlu mengambil kira keupayaan seseorang untuk berkhidmat kepada parti dan menjalankan tugas yang diamanahkan dari semasa ke semasa, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno berkata, perkara itu adalah antara kriteria pelantikan 10 ahli apabila MT mengadakan

pernyataan pertamanya, esok. "Sudah semesti kita mahu yang boleh berkhidmat kepada parti, boleh memberi sumbangan kepada parti dalam proses perbincangan pada peringkat MT ataupun menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh MT.

"Ia mesti berlandaskan kriteria ini iaitu mereka yang berupaya untuk memberi sumbangan kepada parti. Ia sangat penting," katanya selepas

memberi ucapan pada persidangan meja bulat Asia-Pasifik ke-14 di sini, hari ini.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisi melalui pemilihan Perhimpunan Agung, manakala 10 lagi dilantik oleh Presiden. Abdullah bagaimanapun berkata, masih terlalu awal untuk menyatakan sama ada pengerusi perhubungan Umno negeri yang tewas dalam pe-

milihan baru-baru ini atau tidak bertanding, secara automatik perlu dilantik sebagai ahli MT.

"Yang itu kita belum putuskan sama ada kita (perlu) membabitkan semua (pengerusi perhubungan Umno negeri). Sesiapa pun boleh (dilantik), cuma pada peringkat MT, kita perlu halusi sikit.

"Saya'tak mahu cakap pada waktu ini dan tak akan beri pandangan (mengenai

## kriteria lantikan ke MT

pelantikan itu). Kalau saya beri kenyataan (sekarang)... nanti terikat, payah kita nak buat keputusan. Kita harap akan lantik yang terbaik untuk semua," katanya.

Abdullah juga enggan mengulas sama ada beliau sudah mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikan 10 ahli MT itu seperti yang pernah dinyatakan oleh Presiden Umno itu

baru-baru ini.

Antara yang menjadi perhatian ialah sama ada beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri yang tewas dalam pertandingan bagi jawatan Naib Presiden baru-baru ini akan dilantik atau tidak.

Mereka termasuk Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri

Mohd Isa Samad dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam - semuanya memegang jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Turut menjadi tumpuan ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah yang tidak bertanding sebarang jawatan dalam pemilihan di perhimpunan agung lalu.